

# Syarat & Peraturan Peraduan

## Penganjur & Kelayakan

1. PERADUAN KEAJAIBAN RAYA BERSAMA KELUARGA NESTLÉ ["Peraduan"] ini dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] ["Penganjur"] dan dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang memiliki MyKad yang sah dan beralamat di Malaysia, berumur di antara 18 dan 50 tahun pada 1hb Januari 2016 dan tertakluk kepada Syarat dan Peraturan yang terkandung di sini.
2. Mereka yang berada di bawah kumpulan berikut tidak layak menyertai Peraduan ini:
  - [a] Kakitangan Penganjur [termasuk syarikat sekutu dan berkait] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik beradik lelaki dan perempuan, termasuk suami/isteri]; dan/atau
  - [b] Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen penyedia perkhidmatan pengiklanan dan/atau promosi Penganjur [termasuk syarikat sekutu dan berkait] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik beradik lelaki dan perempuan, termasuk suami/isteri].

## Tempoh

1. Peraduan ini akan berlangsung dari 1 Jun 2016 pada "12:00:00 AM" hingga 31 Julai 2016 pada "11:59:59 PM" waktu Malaysian ["Tempoh Peraduan"].

Penganjur berhak untuk meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan.

## Serahan Penyertaan dan Kriteria Kelayakan

1. Peserta mestilah berdaftar sebagai ahli laman Facebook Start Well Stay Well atau laman web Start Well Stay Well di [www.startwell.nestle.com.my](http://www.startwell.nestle.com.my) ["Laman Web"]. Sila rujuk dasar privasi Laman Web serta terma dan syarat Laman Web, yang akan mengikat ke atas ahli dan pengguna Laman Web.
2. Peserta mesti mengklik ikon 'Like' pada laman Facebook NESTLÉ START WELL STAY WELL di <https://www.facebook.com/NestleStartWellStayWell/>. Peserta dinasihatkan agar membaca dan memahami Dasar Privasi serta terma dan syarat sebelum mengambil keputusan untuk menjadi peminat Laman Facebook NESTLÉ START WELL STAY WELL.
3. Peraduan ini terdiri daripada dua kategori.
  - A. Kategori CERELAC
  - B. Kategori LACTOKID
4. Peserta layak untuk menyertai Peraduan ini dengan pembelian:
  - (i) sebarang produk LACTOKID bernilai RM40 dan ke atas ATAU
  - (ii) sebarang produk CERELAC bernilai RM20 dan ke atas dalam SATU [1] resit.

Bagi setiap RM40 yang dibelanjakan untuk produk LACTOKID, Peserta layak untuk SATU [1] penyertaan. (Contoh: Pembelian produk LACTOKID bernilai RM80 melayakkan Peserta untuk DUA [2] penyertaan)

Bagi setiap RM20 yang dibelanjakan untuk produk CERELAC, Peserta layak untuk SATU [1] penyertaan. (Contoh: Pembelian produk CERELAC bernilai RM40 melayakkan Peserta untuk DUA [2] penyertaan)

Penyertaan berganda adalah dibenarkan, bagaimanapun setiap Peserta hanya boleh memenangi SATU [1] hadiah mingguan bagi setiap jenama. Satu resit dengan campuran produk CERELAC & LACTOKID layak untuk SATU [1] penyertaan dalam Peraduan bagi setiap jenama (DUA [2] penyertaan) dengan pembelian produk LACTOKID bernilai RM40 dan ke atas; dan produk CERELAC bernilai RM20 dan ke atas)

5. Pembelian produk LACTOKID melayakkan Peserta untuk mengambil bahagian dan menangi hadiah-hadiah dalam kategori LACTOKID; Pembelian produk CERELAC melayakkan Peserta untuk mengambil bahagian dan menangi hadiah-hadiah dalam kategori CERELAC.
6. Resit bukti pembelian mestilah asli dan bertarikh dalam masa tempoh peraduan.
7. Kemudian, Peserta boleh menghantar gambar detik keluarga kegemaran mereka semasa tempoh sebelum Hari Raya dengan produk yang dibeli termasuk dalam gambar. Gambar tersebut mestilah dihantar melalui Mesej Peribadi kepada Facebook NESTLÉ START WELL STAY WELL

dengan tajuk gambar yang menggambarkan mengapa gambar tersebut adalah masa keluarga kegemaran Peserta.

8. Semua penyertaan yang layak/diluluskan untuk Peraduan ini, selepas dipertimbangkan oleh Penganjur, akan disimpan ke dalam album foto pada laman Facebook NESTLÉ START WELL STAY WELL semasa Tempoh Peraduan.
9. Tiga puluh [ 30 ] pemenang akan dipilih setiap minggu oleh panel hakim berdasarkan:
  - a. Kualiti gambar
    - I. Kejelasan pek produk & gambar
    - II. Usaha tambahan dalam penyuntingan gambar
  - b. Kreativiti kapsyen
  - c. Peristiwa yang ditangkap dalam gambar
10. Semua pemenang mingguan akan layak untuk menangi Hadiah Utama, Hadiah Kedua atau Hadiah Ketiga bagi kategori CERELAC dan/ atau kategori LACTOKID.
11. Semua penyertaan yang dihantar mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
  - (a) Bukti umur kanak-kanak mesti diberikan semasa penyertaan.

Kategori CERELAC: (i) Semua gambar keluarga CERELAC TIDAK BOLEH MENGANDUNGI atau MEMAPARKAN bayi di bawah umur 6 bulan, penggunaan susu formula bayi atau rumusan susulan, makan susu botol, puting dan puting getah. Semua penyertaan gambar mesti mempunyai sekurang-kurangnya SATU [ 1 ] produk CERELAC.

Kategori LACTOKID: (i) Semua gambar keluarga LACTOKID TIDAK BOLEH MENGANDUNGI atau MEMAPARKAN bayi di bawah umur 6 bulan, penggunaan susu formula bayi atau rumusan susulan, makan susu botol, puting dan puting getah. Semua penyertaan gambar mesti mempunyai sekurang-kurangnya SATU [ 1 ] produk LACTOKID. (ii) Sebarang gambar yang menunjukkan tindakan, pakaian atau postur kanak-kanak yang menyerupai bayi atau menunjukkan bahawa kanak-kanak tersebut adalah di bawah 1 tahun akan dibatalkan.
  - (b) Semua gambar tidak boleh mengandungi sebarang penggunaan susu oleh bayi, susu formula bayi, botol bayi, kanak-kanak tidur atau bayi yang berbaring di atas belakangnya.
  - (c) Sekurang-kurangnya SATU [ 1 ] orang dewasa perlu hadir di dalam gambar yang dikemukakan.
  - (d) Produk-produk yang dibeli mesti dimasukkan dalam gambar yang dikemukakan.
  - (e) Untuk melengkapkan penyertaan, Peserta perlu mengemukakan butiran berikut melalui Mesej Peribadi kepada laman Facebook NESTLÉ START WELL STAY WELL:
    - a. Satu gambar asli detik keluarga kegemaran Peserta yang ditangkap semasa tempoh sebelum Hari Raya
    - b. Tajuk gambar tidak lebih daripada 25 perkataan yang menggambarkan kenapa gambar tersebut adalah detik keluarga kegemaran Peserta.
    - c. Name penuh seperti dalam MyKad
    - d. Nombor MyKad
    - e. Alamat emel
    - f. Nombor telefon
    - g. Alamat surat
    - h. Nombor MyKid/salinan sijil kelahiran anak
    - i. Nama produk yang dibeli
    - j. Salinan resit asli yang bertarikh dalam tempoh peraduan
12. Untuk menyertai Peraduan ini, setiap penyertaan yang diserahkan mestilah melengkapi semua langkah yang ditetapkan dalam Peraduan. Sebarang penyertaan yang tidak lengkap akan dibatalkan secara automatik.
13. Peserta bersetuju untuk mematuhi Syarat & Peraturan Peraduan. Peserta diingatkan supaya tidak memanipulasi, mengeksploitasi atau membahayakan kanak-kanak secara tidak bertanggungjawab atau tidak perlu, dengan sengaja atau tidak sengaja untuk tujuan peraduan ini, dan mestilah mengambil tanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini. Dalam apa jua keadaan, Penganjur mempunyai hak mutlak untuk membatalkan sebarang

penyertaan yang dilihat atau diperhatikan mengandungi sebarang unsur-unsur tersebut.

14. Tarikh tutup untuk serahan mingguan adalah seperti berikut:

<b>Minggu</b>	<b>Tarikh tutup untuk serahan</b>
1	5 Jun 2016 11:59:59 PM
2	12 Jun 2016 11:59:59 PM
3	19 Jun 2016 11:59:59 PM
4	26 Jun 2016 11:59:59 PM
5	3 Julai 2016 11:59:59 PM
6	10 Julai 2016 11:59:59 PM
7	17 Julai 2016 11:59:59 PM
8	24 Julai 2016 11:59:59 PM
9	31 Julai 2016 11:59:59 PM

#### **Hadiah-hadiah – CERELAC**

- 30 x Hadiah Mingguan
  - Bekalan CERELAC untuk satu [1] bulan (4 pek)
- 1 x Hadiah Utama
  - Bekalan CERELAC untuk satu [12] bulan (48 pek); dan
  - Satu [1] Kereta Sorong
- 1 x Hadiah Kedua
  - Bekalan CERELAC untuk satu [6] bulan (24 pek); dan
  - Satu [1] Kerusi Kereta Bayi
- 1 x Hadiah Ketiga
  - Bekalan CERELAC untuk satu [3] bulan (12 pek); dan
  - Satu [1] Kerusi Tinggi Bayi

#### **Hadiah-hadiah - LACTOKID**

- 30 x Hadiah Mingguan
  - Bekalan LACTOKID untuk satu [1] bulan (4 pek)
- 1 x Hadiah Utama
  - Bekalan LACTOKID untuk satu [12] bulan (48 pek); dan
  - Satu [1] Tablet Pendidikan Leapfrog dipasang dengan aplikasi-aplikasi pendidikan
- 1 x Hadiah Kedua
  - Bekalan LACTOKID untuk satu [6] bulan (24 pek); dan
  - Satu [1] Kerusi Kereta Bayi
- 1 x Hadiah Ketiga
  - Bekalan LACTOKID untuk satu [3] bulan (12 pek); dan
  - Satu [1] Playground Mini

#### **Penebusan Hadiah**

- Pemenang terpilih akan dimaklumkan melalui telefon dan Mesej Peribadi di Laman Facebook NESTLÉ START WELL STAY WELL oleh Penganjur untuk mengesahkan butiran peribadi mereka. Pemenang terpilih dikehendaki memberi respons kepada Penganjur dalam masa lima [5] hari dari tarikh makluman jika terdapat sebarang kesilapan dalam butiran yang disenaraikan. Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan jika pemenang tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab selepas tiga [3] cubaan untuk menghubungi pemenang telah dilakukan oleh Penganjur atau ejennya. Semua hadiah mestilah dituntut dalam masa tiga [3] bulan selepas tarikh makluman. Semua hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan. Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya hadiah tidak diterima atau kelewatan dalam penghantaran melalui pos kepada pemenang. Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat sebarang kesilapan, kelewatan atau kecacatan dalam pemberitahuan melalui telefon dan Mesej Peribadi Facebook kepada pemenang.
- Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya penghantaran hadiah tidak selesai akibat butiran peribadi salah yang diberikan oleh Peserta.
- Peserta dengan satu [1] penyertaan layak untuk memenangi sehingga dua [2] hadiah sepanjang Peraduan. Contoh: Satu [1] hadiah mingguan dan satu [1] hadiah utama, hadiah kedua atau hadiah ketiga.

Peserta dengan dua [2] penyertaan, satu [1] untuk penyertaan LACTOKID dan satu [1] untuk penyertaan CERELAC layak untuk memenangi sehingga empat [4] hadiah sepanjang Peraduan. Contoh: Satu [1] hadiah mingguan CERELAC, satu [1] hadiah mingguan LACTOKID, satu [1] hadiah utama, hadiah kedua atau hadiah ketiga untuk LACTOKID dan satu [1] hadiah utama, hadiah kedua atau hadiah ketiga untuk CERELAC.

- Produk LACTOKID dan CERELAC untuk pemenang hadiah utama akan dihantar setiap 3 bulan.
- Penganjur berhak mengikut budi bicaranya untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang setara nilainya, pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang notis. Nilai hadiah adalah benar semasa dicetak. Semua hadiah diberikan atas dasar 'sedia ada' dan tidak boleh ditukar untuk tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sebahagian atau sepenuhnya.
- Semua pemenang dikehendaki mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh semua pihak yang mengaturkan dan/atau menyediakan hadiah serta terma dan syarat yang dilampirkan kepada hadiah, jika ada.

#### **Liabiliti & Tanggungjawab**

- Pemenang akan menanggung liabiliti dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang berpunca daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) dalam apa jua cara.
- Semua rakaman, pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang ditanggung untuk menyertai Peraduan ini dan untuk menebus hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
- Penganjur tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kecacatan, kelewatan dalam operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau kepincangan teknikal mana-mana rangkaian atau talian telefon, sistem dalam talian komputer, pelayan atau pembekal, peralatan komputer, perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan trafik di Internet dan/atau laman web.
- Peserta juga bersetuju bahawa Penganjur tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti ke atas sebarang kelewatan, kecederaan atau kerosakan kepada sistem komputer atau peralatan peserta dan/atau komputer mana-mana pihak ketiga, yang berkaitan dengan atau akibat daripada akses kepada, penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk memainkan, memuat turun sebarang bahan atau maklumat dari PERADUAN KEAJAIBAN RAYA BERSAMA KELUARGA dan berkaitan dengan Peraduan ini, serahan atau muatnaik untuk Peraduan ini, termasuk dan tidak terhad kepada sebarang kegagalan pelayan, hilang, lewat atau kerosakan data atau pincang tugas lain.

#### **Hak Penganjur**

- Dengan menyerahkan penyertaan anda untuk Peraduan ini, semua peserta bersetuju dan mengesahkan bahawa semua hak harta intelek kepadanya akan menjadi milik Penganjur. Penganjur akan memiliki hak eksklusif untuk mengguna, menyunting, mengubah dan menerbitkan penyertaan yang diserahkan oleh semua peserta, menerbitkan nama peserta, dalam apa jua cara yang dianggap wajar untuk sebarang tujuan pengiklanan, dagangan, promosi dan untuk sebarang tujuan lain, tanpa memberi notis seterusnya kepada peserta, dan peserta tidak boleh menuntut pemilikan atau sebarang bayaran atau pampasan ke atas material tersebut. Untuk mengelakkan keraguan, serahan tidak akan disunting untuk tujuan pengadilan. Penganjur akan menggunakan foto yang diserahkan oleh peserta untuk dipaparkan di laman Facebook NESTLÉ START WELL STAY WELL.
- Penganjur berhak untuk meminda, menggantung atau membatalkan Peraduan ini jika ia tidak dapat dilaksanakan seperti dirancang, gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal komputer, atau sebarang sebab lain yang di luar kawalan Penganjur, walaupun Penganjur telah memberikan usaha terbaik.
- Penganjur berhak, mengikut budi bicaranya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana peserta yang didapati atau disyaki mengubah proses serahan Peraduan, pengendalian Peraduan ini. Penganjur berhak untuk memadam sebarang serahan oleh mana-mana pihak yang disyaki telah melanggar atau menyalahi mana-mana terma dan syarat am ini dan Penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang ia percaya telah menjalankan aktiviti

penipuan atau aktiviti-aktiviti lain yang berbahaya untuk Peraduan dalam talian ini dan/atau proses serahan Peraduan.

### Notis Peribadi

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Penganjur dan mana-mana syarikat induk, subsidiari-subsidiari atau syarikat yang berkenaan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 dan pembekal perkhidmatan, ejen dan kontraktor yang menyediakan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada Penganjur dan bertindak bagi pihak Penganjur ["Pihak Ketiga Yang Dilantik"] untuk memproses maklumat peribadi Peserta yang diberikan dalam penyertaan yang dihantar untuk tujuan Peraduan ini. Ini termasuk mendedahkan nama Peserta kepada awam apabila Peserta menjadi pemenang Peraduan dengan menyiarkan nama Peserta, gambar-gambar dan maklumat peribadi yang lain tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi Peserta untuk tujuan menghubungi dan menghantar Peserta maklumat pemasaran dan promosi atau bahan-bahan mengenai produk Penganjur, perkhidmatan, sebarang promosi, event atau peraduan yang dianjurkan oleh Penganjur.
3. Sekiranya Peserta bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang Peserta bercadang untuk merujuk kepada Penganjur, Peserta mengakui bahawa Peserta telah mendapatkan persetujuan orang tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi mereka kepada Penganjur dan untuk dihubungi oleh Penganjur.
4. Untuk kanak-kanak bawah umur atau individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, Peserta mengesahkan bahawa mereka telah melantik Peserta untuk bertindak bagi pihak mereka, untuk memberi kebenaran bagi pihak mereka untuk memproses data peribadi dalam notis peribadi ini.
5. Pada masa tertentu, Penganjur boleh melantik Pihak Ketiga Yang Dilantik untuk memproses butiran peribadi Peserta. Semua Pihak Ketiga Yang Dilantik tersebut mempunyai kewajipan di bawah kontrak untuk tidak menggunakan data peribadi Peserta dengan sebarang cara lain kecuali yang ditetapkan di dalam ini dan di dalam Dasar Privasi Penganjur di [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy).
6. Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi Peserta mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan negara yang data Peserta dipindahkan kepada mempunyai undang-undang perlindungan maklumat peribadi yang sama atau setara di tempat, seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi Penganjur di [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy).
7. Setakat mana yang undang-undang membolehkan, Peserta mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemas kini atau membetulkan maklumat peribadi Peserta yang dipegang oleh Penganjur.

Pemintaan atau pertanyaan bertulis Peserta hendaklah dialamatkan kepada:

- Alamat: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, 22nd Floor, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara 47810, Petaling Jaya, Selangor.

Atau

- Borang Web: <https://www.nestle.com.my/contactus>

Atau

- Hubungi Penganjur : 1-800-88-3633

8. Penganjur memerlukan maklumat peribadi Peserta untuk memproses penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, tanpanya Penganjur tidak akan dapat memproses permohonan Peserta.
9. Untuk penerangan yang lebih terperinci mengenai amalan privasi Penganjur, sila rujuk kepada Dasar Peribadi Penganjur di [http://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy](http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy). Penganjur mempunyai hak untuk

### Terma dan Syarat Lain

1. Semua penyertaan yang diserahkan mestilah karya asli dan tidak menyalahi sebarang hak harta intelek milik mana-mana pihak lain. Peserta tidak boleh memaparkan, mengedarkan, menerbitkan semula atau menyerahkan dalam apa jua cara, sebarang bahan yang

mengandungi hak harta intelek pihak lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada hak cipta, atau maklumat proprietari milik pihak lain tanpa mendapat kebenaran bertulis pemilik hak cipta atau maklumat proprietari tersebut terlebih dahulu. Jika anda percaya karya anda telah disalin dan dipaparkan dalam cara yang melanggar hak harta intelek, sila berhubung dengan Penganjur.

2. Penganjur, dengan budi bicaranya, berhak untuk mengubah Syarat dan Peraturan ini tanpa sebarang notis awal, jika ia diperlukan untuk memastikan Peraduan berjalan lancar.
3. Syarat dan Peraturan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia sahaja. Jika terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia termasuk tetapi tidak terhad kepada Syarat dan Peraturan Peraduan, versi Bahasa Inggeris akan berkuat kuasa.
4. Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
5. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk terikat dan mematuhi Syarat dan Peraturan Peraduan ini, dan keputusan yang dibuat oleh Penganjur.

### Syarat Teknikal

1. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas sebarang kelewatan dan/atau kegagalan menerima penyertaan yang disebabkan oleh ketidakupayaan syarikat Penyedia Perkhidmatan Internet [ISP] masing-masing dan/atau rangkaian telekomunikasi untuk menyediakan internet dan/atau perkhidmatan telekomunikasi tepat pada masanya dan/atau efisien.

### Kandungan Terlarang

1. Di bawah adalah sebahagian daripada senarai kandungan yang menyalahi undang-undang atau dilarang untuk dipaparkan di dalam Peraduan ini. Paparan mana-mana kandungan ini oleh peserta boleh, mengikut budi bicara Penganjur, menyebabkan penamatan keahlian selain daripada kehilangan kelayakan penyertaan. Di samping itu, Penganjur berhak untuk menyiasat dan mengambil tindakan undang-undang yang sesuai, mengikut budi bicaranya, terhadap sesiapa yang melanggar peruntukan ini, termasuk tanpa had, mengeluarkan komunikasi menyinggung yang dipaparkan di Facebook NESTLÉ START WELL STAY WELL dan melaporkan pesalah tersebut kepada pihak berkuasa undang-undang yang berkenaan. Kandungan yang dilarang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kandungan yang, atas pertimbangan Penganjur:-
  - menyinggung perasaan komuniti dalam talian, seperti kandungan yang menggalakkan perkauman, agenda berbaur keagamaan, kandungan provokasi agama, keganasan, bahasa kasar, ketaksuban, kebencian atau kecederaan fizikal dalam apa jua bentuk terhadap mana-mana kumpulan atau individu;
  - termasuk bahan-bahan yang menyinggung perasaan pengamal agama yang lain dan/atau produk kompetitif NESTLÉ yang muncul dalam video muzik;
  - mengganggu atau menggalakkan gangguan kepada orang lain;
  - melibatkan penghantaran "mel sampah", "surat berantai", "spam," atau sebarang surat, e-mel atau komunikasi berkelompok lain yang tidak diminta;
  - merangkumi sebarang maklumat yang [1] peserta tahu adalah palsu atau mengelirukan, [2] menggalakkan aktiviti haram atau kelakuan yang kesat, atau [3] mengancam, lucah, fitnah, atau libel;
  - membentuk atau merangkumi sebarang salinan haram atau tidak sah karya hakcipta atau boleh dihakcipta milik orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada, [1] program komputer cetak rompak atau pautan kepadanya, [2] maklumat yang memintas peranti pelindung salinan yang dipasang oleh pengeluar, [3] muzik cetak rompak atau pautan kepada fail muzik cetak rompak;
  - memaparkan bahan lucah, pornografi atau bahan bersifat seksual dalam apa jua bentuk;
  - merangkumi bahan yang mengeksploitasi orang secara seksual atau ganas;
  - merangkumi bahan yang menunjukkan atau menggambarkan sebarang perbuatan yang menyinggung atau ganas sama ada yang melibatkan orang atau orang-orang atau haiwan atau bukan;
  - menyediakan maklumat arahan mengenai aktiviti haram seperti membuat atau membeli senjata haram, melanggar privasi seseorang, atau membekalkan atau mencipta virus komputer; dan
  - memaparkan secara terbuka situasi berbahaya atau berpotensi mengancam nyawa.